

Tarbiyah Pengasas Siri 48

10 Januari 2023

SETIA & SAYANG KEPADA PERJUANGAN

Prof Dr Muhammad Syukri Salleh

Soalan Dr Azrin Ibrahim

Soalan 1

Mengapa Prof mahukan pelapis-pelapis dan staf yang setia dan sayang kepada ISDEV secara sepenuh hati?

Jawapan: Ada sekurang-kurangnya TIGA sebab kenapa begitu:

1. Kerana cita-cita besar perjuangan ISDEV
2. Kerana mengikut sunnah perjuangan Islam
3. Kerana mahu selamatkan warga ISDEV daripada ditapis

A. Kerana cita-cita besar perjuangan ISDEV

1. ISDEV mempunyai cita-cita perjuangan besar, untuk memuliakan Allah dan Rasul, menyelamatkan umat, dan mengajak orang kepada Islam.
2. ISDEV ingin perkenalkan satu bidang baru (pengurusan pembangunan berteraskan Islam) dengan cara yang luarbiasa (dari hati ke hati)
3. Kedua-dua hasrat di atas tidak mungkin tercapai kecuali warga ISDEV mempunyai rasa setia dan sayang kepada ISDEV dan perjuangannya.

B. Kerana mengikut sunnah perjuangan Islam

1. Dalam sejarah perjuangan manusia pun, cita-cita yang besar begini menuntut kesetiaan dan kesayangan.
2. Misalnya Steve Job membuang pekerja yang tidak setia dan tidak sayang kepada apa yang beliau mahu ciptakan.
3. Misalnya Sun Tzu membunuh panglima tentera wanita (gundek yang paling disayangi oleh Maharaja Cina) kerana bermain-main dalam perjuangan (tidak setia dan sayang kepada usaha Sun Tzu menakluk dunia)
4. Dalam sejarah perjuangan Islam pun, rasa setia dan sayang ini ditekankan sungguh-sungguh. Misalnya kisah perjuangan Talut, kisah perjuangan Nabi Musa, kisah perjuangan Nabi Isa.
5. Talut (al-Baqarah 246-251): Dilantik Allah SWT (melalui Nabi Allah Samuel), ditolak al-Mala'un (para pembesar Bani Israil), Bani Israil tidak mahu berperang kecuali segelintir, pengikut diuji antara sungai dan perjuangan (tidak dibenar minum air sungai kecuali seceduk dengan tangan), antara musuh dan perjuangan (sebahagian tentera Talut lari ke belakang setelah melihat ramainya tentera musuh Rom). Akhirnya tentera Talut yang sedikit dapat mengalahkan tentera Jalut yang ramai kerana kesetiaan dan sayang mereka kepada Allah, perjuangan, dan pemimpin mereka.
6. Nabi Musa:

Dalam Al-A'raaf 7:148-152 diceritakan pengikutnya bertukar menyembah anak lembu betina emas yang dicipta Samiri, ketika Baginda meninggalkan mereka selama 40 hari untuk

bermunajat dengan Allah SWT di Gunung Tursina, hingga Nabi Musa bertelagah dengan saudaranya Nabi Harun

7. Dalam surah al-Kahfi ayat 60-82 diceritakan Nabi Musa juga pernah terpaksa berpisah dengan Nabi Allah Khaidir kerana tidak setia dengan adab perjuangan menuntut ilmu
8. Nabi Isa: Mencari "hawariyyun" (sahabat-sahabat setia) – beriman dan penolong Nabi Isa untuk menegak agama Allah.

"Maka tatkala Isa mengetahui keingkaran mereka (Bani Israel), berkatalah ia," Siapa yang akan menjadi penolong-penolongku untuk (menegakkan agama) Allah? "Para Hawariyun (sahabat-sahabat setia) menjawab," Kamilah penolong-penolong (agama) Allah, kami beriman kepada Allah dan bersaksilah bahawa kami adalah Muslim "(Al Quran, Surah Ali-Imran 3, ayat 52).

9. Dalam al-Qur'an sendiri Allah SWT banyak menempelak kaum munafik kerana tidak setia kepada perjuangan Rasulullah SAW (di hadapan Rasulullah SAW mengaku beriman dan setia, tetapi di belakang Rasulullah SAW, sebaliknya, malah merancang menentang Rasulullah SAW)
10. Begitulah juga di ISDEV. Kita mahu ikut sunnah perjuangan Nabi-Nabi ini. Antara rahsia berjaya perjuangan mereka adalah kerana setia dan sayang mereka kepada Allah SWT, Rasulullah SAW, kepada pemimpin, kepada perjuangan mereka.
11. Cuma daripada pengalaman perjuangan Nabi-Nabi di atas, Allah SWT menapis para ahli pejuang dengan pelbagai cara.

12. Tentera Talut ditapis dengan kepimpinan Talut (yang tidak terkenal dan tidak kaya), dengan air dan dengan bilangan musuh.
13. Pengikut Nabi Musa dengan kesetiaan iman kepada Allah SWT.
14. Pengikut Nabi Isa dengan keingkaran Bani Israil.

C. Kerana mahu menyelamatkan warga ISDEV daripada ditapis

1. Warga ISDEV diuji dengan niat menjadikan ISDEV hanya sebagai tempat singgah dan batu loncatan (kes 1), dengan ketidak-seriusan dalam tugas (kes 2), dengan tidak mendengar dan tidak taat (kes 3).
2. Saya terpaksa bertindak cepat dan tegas untuk menyelamatkan mereka daripada ditapis. Alhamdulillah, 2 orang berjaya diselamatkan mereka setia dan taat. Hanya seorang sahaja yang ditapis kerana tidak setia dan taat.

Soalan 2

Bagaimana semua warga ISDEV boleh letakkan SETIA, SAYANG, dan JIWA mereka kepada apa jua yang sedang mereka lakukan?

Jawapan:

A. Ada TIGA perkara yang perlu ada:

1. Kena ada iman dan taqwa (Rasa Bertuhan dan Rasa Kehambaan)

2. Kena ada ukhwah fillah
3. Kena ada kefahaman dan keselarasan

B. Ketiga-tiga perkara ini telah cuba dicapai melalui pelbagai aktiviti, umpamanya:

1. Aktiviti harian seperti solat berjemaah, solat hajat, sujud syukur, memberi salam, berpelukan, dan sebagainya
2. Aktiviti mingguan seperti Pengajian Selasa, puasa Isnin dan Khamis, senaman Waitankung Sabtu dan Ahad, dan sebagainya
3. Aktiviti bulanan seperti Penyeliaan Bulanan (Monthly Graduate Supervision), penyeliaan individu, dan sebagainya
4. Aktiviti tahunan seperti penganjuran INGRAW, IDMAC, Kem Tasawwur Pembangunan Islam, Kem Pembangunan Insaniah, Majlis Restu Ilmu, Majlis Meraikan Graduan, Majlis Berbuka Puasa, Majlis Sambutan Hari Raya Aidil-Fitri dan Aidil-Adha, dan sebagainya